

28/01/2003

Kenyataan Dr Mahathir disokong

KUALA LUMPUR: Pemimpin Umno di pelbagai peringkat menyambut baik kenyataan

Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, supaya Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi diberi peluang untuk 'mengatur semula segala-galanya' terutama bagi pelantikan baru barisan kepemimpinan Umno.

Malah rata-rata mereka juga bersedia memberikan laluan bagi memudahkan bakal pengganti Perdana Menteri itu menyusun barisannya apabila beliau mengambil alih pucuk kepemimpinan parti dan negara, Oktober nanti.

Naib Presiden Umno, Datuk Seri Najib Razak, berkata menjadi hak istimewa

Perdana Menteri atau siapa saja pemimpin parti pada waktu itu untuk menentukan barisan pemimpin di semua peringkat.

"Jika pemegang jawatan itu bersedia meneruskan khidmatnya sekali pun, tapi pucuk pimpinan parti meminta dia mengundur diri, maka dia harus akur.

Kita harus yakin bahawa apa juga keputusan pucuk pemimpin adalah untuk kebaikan parti," katanya.

Kelmarin, Dr Mahathir berkata, Abdullah harus diberi peluang untuk melantik seseorang itu dan semua pemimpin dalam Umno tidak seharusnya berfikir sesuatu jawatan itu milik mereka secara tetap.

Seorang lagi Naib Presiden Umno, Tan Sri Muhammad Muhd Taib, berkata pemimpin Umno di semua peringkat harus menjadikan kenyataan Perdana Menteri bahawa sesuatu jawatan itu bukan milik mereka secara tetap sebagai satu peringatan.

"Kepada saya, parti lebih penting. Soal calon terserah kepada pucuk pimpinan. Semua kita dalam Umno perlu menjaga parti," katanya.

Di ALOR STAR, Pengerusi Umno negeri, Datuk Seri Syed Razak Syed Zain, berkata Umno negeri mengamalkan sikap terbuka dan pemimpinnya tidak keberatan memberi laluan kepada calon lain jika khidmat mereka tidak lagi diperlukan.

"Kita akan berundur jika rakyat tidak lagi mahu menerima dan biarlah pucuk pimpinan parti menentukan siapa penggantinya," katanya.

Di KUALA TERENGGANU, Timbalan Pengerusi Badan Perhubungan Umno Negeri Terengganu, Datuk Idris Jusoh, berkata barisan pemimpin Umno negeri sentiasa akur dengan sebarang keputusan pucuk pimpinan parti termasuk kesediaan untuk tidak dipilih sebagai calon pilihan raya umum akan datang.

Katanya, semua kepimpinan bahagian berpegang kepada aku janji yang dibuat Oktober lalu untuk menyokong mana-mana calon yang dipilih bertanding dalam pilihan raya akan datang.

Di SEREMBAN, Pengerusi Badan Perhubungan Umno Negeri Sembilan, Tan Sri Mohd Isa Abdul Samad, berkata pandangan Dr Mahathir yang meminta semua pihak menyerahkan kepada Abdullah untuk membuat pilihan adalah suatu pandangan ikhlas yang perlu dihormati.

Mohd Isa, Menteri Besar paling lama berkhidmat berkata, beliau tidak ada

masalah untuk berundur dan terpulang pada pucuk pimpinan membuat keputusan mengenainya.

Di PULAU PINANG, Bernama melaporkan Badan Perhubungan Umno Pulau Pinang menyerahkan soal rombakan atau pelantikan pemimpin atau wakil rakyat yang baru di negeri ini kepada Abdullah yang juga pengerusinya.

Presiden Gerakan, Datuk Seri Dr Lim Keng Yaik, yang turut mengulas kenyataan Perdana Menteri itu berkata, partinya bersedia menurunkan muka baru pada pilihan raya umum nanti tetapi tidak akan mengumumkannya sekarang.

Parti Progresif Penduduk Malaysia (PPP) pula menyifatkan kenyataan Perdana Menteri memberi peluang dan mandat penuh kepada Abdullah untuk melantik sesiapa yang disukainya tanpa sebarang campur tangan.

Sambil mengalu-alukan langkah itu, Presidennya, Senator Datuk M Kayveas, berkata kenyataan itu adil bagi membolehkan Abdullah memilih sendiri barisan kepimpinannya.

Sementara itu, Ketua Pemuda Gerakan, Mah Siew Keong, berkata kenyataan Perdana Menteri itu harus disambut baik oleh pemimpin BN di semua peringkat.

"Bukan saja muka lama perlu memberikan sepenuhnya mandat kepada Abdullah untuk memilih barisannya tetapi pemimpin muda juga harus bersedia berundur. Ini akan memudahkan Abdullah menyusun strategi dan pendekatan bagi menghadapi cabaran baru.

"Biarlah kita serahkan sepenuhnya kepada pengganti Dr Mahathir nanti untuk menentukan kedudukan kita dalam BN," katanya.